SISTEM PEMBAYARAN

Perkembangan Dalam Sistem Pembayaran

RENTAS

Secara keseluruhannya, jumlah urus niaga yang diproses melalui sistem RENTAS meningkat sebanyak 14.43% dengan peningkatan nilai urus niaga sebanyak 4.32% pada suku pertama tahun 2003 berbanding suku pertama tahun 2002. Pada suku pertama tahun 2003, jumlah dan nilai urus niaga yang diproses menerusi sistem pemindahan dana antara bank (IFTS) RENTAS merosot masing-masing sebanyak 1.66% kepada 400.2 juta urus niaga dan 3.24% kepada RM2.79 trilion berbanding suku keempat tahun 2002. Jumlah dan nilai urus niaga yang diproses melalui Sistem Penjelasan Sekuriti Tanpa Skrip (SSTS), bagaimanapun, meningkat masing-masing sebanyak 10.12% kepada 0.03 juta dan 3.19% kepada RM284.64 bilion.

Jumlah Urus Niaga RENTAS



Urus Niaga IFTS RENTAS



Urus Niaga SSTS RENTAS



SPICK

Semua cek dalam Ringgit diproses di pusat penjelasan SPICK (Sistem Penjelasan Imej Cek Kebangsaan) yang beroperasi di tiga kawasan iaitu utara, tengah dan selatan Semenanjung Malaysia. Jumlah cek yang diproses oleh pusat-pusat SPICK Bank Negara Malaysia menunjukkan penurunan semenjak tiga suku tahunan yang lepas. Penurunan ini mungkin disebabkan oleh penggunaan kaedah pembayaran elektronik yang semakin meningkat. Jumlah cek yang diproses pada suku pertama tahun 2003 mencatat penurunan sebanyak 0.13% dan 1.07% dari segi jumlah dan nilai cek berbanding suku pertama tahun 2002. Pada suku pertama tahun 2003, jumlah cek yang diproses merosot sebanyak 3.19% kepada 42.62 juta berbanding suku keempat tahun 2002. Seterusnya, nilai cek yang diproses oleh pusat-pusat SPICK juga merosot namun pada kadar yang lebih rendah iaitu sebanyak 1.31% kepada RM265.25 bilion.

Jumlah dan Nilai Cek yang dijelaskan oleh Pusat-pusat SPICK



Bankcard

Pada suku pertama tahun 2003, jumlah pengeluaran wang tunai melalui mesin ATM merosot sebanyak 0.34% kepada 49.27 juta urus niaga berbanding suku keempat tahun 2002 sementara nilai pengeluaran merosot sebanyak 0.49% kepada RM20.06 bilion. Pada tempoh yang sama, institusi perbankan domestik berjaya menaikkan taraf semua mesin ATM untuk menerima kad pembayaran yang berasaskan cip. Pelancaran rasmi Bankcard pada 28 Februari 2003 menandakan kejayaan pelaksanaan salah satu daripada dua aplikasi kad pintar di bawah Aplikasi Perdana Kad Pelbagai Guna yang merupakan satu daripada tujuh Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia. MyKad pula dikeluarkan dan dilaksanakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Pada akhir suku pertama tahun 2003, lebih daripada 1.74 juta Bankcard telah dikeluarkan. Kini, institusi perbankan sedang menaikkan taraf mesin ATM masing-masing untuk membolehkan penambahan nilai semula MEPS Cash ke dalam Bankcard dan MyKad. Sejumlah 2,500 mesin ATM atau 66.0% daripada jumlah mesin ATM yang dimiliki institusi perbankan domestik telah dinaikkan tarafnya untuk penambahan nilai MEPS Cash dalam Bankcard dan 445 mesin ATM atau 11.5% untuk penambahan nilai dalam MyKad.

Kad-kad Pembayaran

Bilangan kad kredit dan kad caj dalam edaran masing-masing meningkat sebanyak 3.9% kepada 4.53 juta kad dan 1.75% kepada 0.35 juta

Operasi Kad Kredit dan Kad Caj



kad berbanding suku keempat tahun 2002. Industri kad kredit berkembang dengan pesat sejak suku pertama tahun 2002. Selaras dengan peningkatan bilangan kad kredit sebanyak 24.2%, nilai urus niaga kad kredit telah meningkat sebanyak 19.18%.

Bank Negara Malaysia juga telah mengambil langkah untuk meningkatkan kesedaran pengguna dan menggalakkan penggunaan kad kredit secara berhemah. Sehubungan ini, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan satu garis panduan mengenai operasi kad kredit pada 18 Mac 2003, dan pengeluar-pengeluar kad kredit dikehendaki menjalankan perubahan sistem yang diperlukan bagi mematuhi keperluan garis panduan ini dalam tempoh enam bulan.

Garis panduan baru ini menetapkan keperluan minimum operasi kad kredit dan menggantikan garis panduan yang dikeluarkan sebelum ini. Garis panduan baru ini juga mencakup beberapa perkara baru seperti keperluan pemberian pinjaman yang berhemah, penggunaan kad kredit dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang, tanggungan pemegang kad tambahan, tanggungan bagi kad kredit yang hilang dan dicuri serta memberi penekanan terhadap program kesedaran dan pendidikan pengguna.

Penggunaan kad debit di Malaysia masih lagi rendah berbanding kad kredit dan kad caj. Namun begitu, jumlah urus niaga kad debit mencatat peningkatan sebanyak 2.13% kepada 0.29 juta urus niaga pada suku pertama tahun 2003 dan dari segi nilai, ia meningkat sebanyak 1.12% kepada RM21.17 juta.

Pada akhir Mac tahun 2003, lebih 3,400 pembaca kad (card reader) MEPS Cash telah dipasang oleh institusi perbankan domestik di pelbagai organisasi perniagaan di seluruh negara. Di samping institusi perbankan domestik, terdapat juga institusi-institusi lain terlibat dalam memeroleh perniagaan menggunakan MEPS Cash. Bagi meningkatkan kesedaran mengenai MEPS Cash sebagai skim e-purse kebangsaan, institusi perbankan akan mengadakan kempen pemasaran bagi menggalakkan penggunaan MEPS Cash sebagai cara pembayaran bukan-tunai. Kerajaan menyokong penggunaan MEPS Cash oleh organisasi perniagaan sebagai alat pembayaran.

Interbank GIRO (IBG)

Sistem IBG memudahkan pembayaran pihak ketiga di antara institusi perbankan yang menyertainya dengan mengeluarkan arahan tetap seperti bayaran balik pinjaman, premium insuran, gaji, pembayaran cukai dan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Jika dibandingkan dengan suku pertama tahun 2002, terdapat peningkatan yang ketara dalam jumlah dan nilai masing-masing sebanyak sebanyak 130.54% dan 72.77%. Jumlah dan nilai urus niaga IBG pada suku pertama tahun 2003 meningkat sebanyak 17.84% kepada 0.21 juta urus niaga dan 8.81% kepada RM1.41 bilion berbanding suku keempat tahun 2002. Peningkatan urus niaga IBG menunjukkan bahawa kaedah pembayaran secara elektronik semakin diterima oleh orang ramai.

Transaksi Giro Antara Bank



Gerbang Pembayaran

Pada suku pertama tahun 2003, jumlah dan nilai urus niaga melalui gerbang pembayaran MEPS telah menurun sebanyak 8.8% dan 9.83% berbanding suku keempat tahun 2002.

Transaksi Gerbang Pembayaran

